



Agenda memerangi orang tengah masih menjadi persoalan bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Ini kerana hasil pertanian tempatan didapati masih tidak berupaya untuk menembusi pasar-pasar tempatan amnya mahu pun pasar tani khususnya.

Kekecewaan ini sangat dirasai oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani apabila mendapati masih ramai peniaga pasar tani di bawah Kementerianya, mendapatkan bekalan bahan dari pasar-pasar borong akibat kekurangan bekalan dari petani tempatan.

Justeru itu, Jabatan Pertanian Putrajaya telah mengambil langkah segera dengan mengadakan pertemuan dengan pengusaha-pengusaha Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi mempertingkatkan pengeluaran hasil mereka bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Ketua Pengarah Pertaniannya, YBhg Dato' Ahmad Zakaria bin Mohamad Sidek semalam telah turun padang untuk bertemu pegawai-pegawai pertanian, petani dan peserta TKPM Ulu Chuchuh Sepang dan Pusat Pertanian Labu Lanjut Selangor bagi menyusun

strategi agar agenda Jihad Memerangi Orang Tengah (JMOT) dapat direalisasikan.

Menurut Dato' KPP, pihak Kementerian telah menyediakan beberapa lot perniagaan untuk peserta TKPM membawa atau memperdagangkan sendiri hasil tanaman mereka di tapak pasar-pasar tani kendalian FAMA atau membekalkan terus kepada peniaga pasar tani. Ini menurut beliau boleh dilaksanakan jika pengusaha TKPM bersatu dengan mengumpul hasil pengeluaran mereka dan membuat jualan langsung ke pasar borong atau menjual sendiri di lot yang telah disediakan di pasar tani.

Respon yang baik dari pegawai, petani dan peserta-peserta TKPM untuk berganding bahu serta menjanjikan kepelbagaian dan mempertingkatkan hasil tanaman mereka bagi merealisasikan impian JMOT.

Usaha pertemuan dengan pengusaha pertanian di bawah bimbingan Jabatan Pertanian ini akan terus dijalankan di semua TKPM, Pusat Bimbingan Usahawan (PBU) serta petani-petani seluruh negara agar usaha meningkatkan hasil-hasil pertanian dapat dilaksanakan dengan berkesan.

